











[Student](#)

Gelombang ‘Dai-dai’ semarakkan program Khemah Ukur FTKA, bina ketahanan dan semangat kebersamaan pelajar

11 August 2026

PAYA BESAR, 7 Ogos 2026 – ‘Dai-dai!’ yang membawa maksud ‘Ayuh!’ atau ‘Jom!’ bukan sekadar ungkapan yang bergema sepanjang Program Khemah Ukur anjuran Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam (FTKA), Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) malah menjadi

simbol semangat 68 pelajar dalam mengharungi sembilan hari penuh cabaran, pembelajaran, dan pengalaman bermakna.

Berlangsung dari 17 hingga 25 Julai 2026 di sekitar kampus UMPSA Paya Besar, program itu menyaksikan para pelajar bukan sahaja mengaplikasikan ilmu ukur kejuruteraan yang dipelajari di dalam kelas, tetapi turut belajar tentang erti ketabahan, disiplin, kepimpinan, persahabatan, dan kekuatan bekerja sebagai satu pasukan.

Program berkenaan merupakan sebahagian daripada kursus wajib BAA1441 (*Engineering Surveying Camp*) bernilai satu jam kredit bagi pelajar program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam di UMPSA.

Dilaksanakan dua kali setahun, program ini memberikan peluang kepada pelajar untuk merasai sendiri suasana kerja lapangan menerusi tugas ukur kejuruteraan secara berkumpulan sebelum menghasilkan pelan tapak yang berkaitan dengan praktis sebenar bidang Kejuruteraan Awam dan Pembinaan.

Program kali ini dikendalikan oleh selaku pensyarah kursus, Dr. Cheng Hock Tian dan Dr. Mohd Irwan Adiyanto dengan dibantu oleh Pegawai Latihan Vokasional, Huzari Mazelan dan Zainudin Abdullah Sani.

‘Dai-dai’ Jadi Pembakar Semangat

Keunikan Program Khemah Ukur kali ini terserlah menerusi gelombang ‘*Dai-Dai*’, ungkapan bahasa Itali yang bermaksud ‘Ayuh!’ atau ‘Jom!’ dan digunakan sebagai seruan untuk terus berusaha serta memberikan yang terbaik.

Di sebalik ungkapan ringkas itu tersimpan mesej yang cukup besar untuk terus mara apabila berhadapan dengan kesukaran, bangkit apabila melakukan kesilapan, dan tidak mudah menyerah sebelum sesuatu tugas berjaya diselesaikan.

Elemen tersebut diinspirasikan daripada lagu tema Piala Dunia 2026 nyanyian Shakira dan *Burna Boy*.

Lagu berkenaan dimainkan dan dinyanyikan bersama-sama oleh para pelajar, sekali gus mencetuskan suasana ceria serta menyatukan mereka ketika berhadapan dengan tuntutan kerja lapangan yang memerlukan ketelitian, ketahanan fizikal, dan kerjasama berpasukan.

Menurut Dr. Mohd Irwan, pemilihan ‘Dai-dai’ sebagai tema program bukan sekadar untuk memeriahkan suasana, tetapi membawa mesej yang selari dengan falsafah pendidikan yang ingin diterapkan kepada pelajar.

“Lagu ini merupakan karya yang bertenaga dan mampu membangkitkan semangat serta memotivasikan pendengar.

“Mesej yang dibawanya mengetengahkan nilai ketabahan, kerja berpasukan dan usaha untuk terus meraih kejayaan.

“Nilai inilah yang kita mahu pelajar bawa Bersama,” ujarinya.

Jelas beliau lagi, dalam kehidupan, kita mungkin berhadapan dengan kesilapan dan kegagalan,

tetapi yang lebih penting ialah keberanian untuk bangkit, belajar, dan terus mencuba sehingga berjaya.

Khemah Ukur sebagai ‘Universiti Kehidupan’

Menurut beliau, Program Khemah Ukur tidak seharusnya dilihat semata-mata sebagai kursus akademik yang perlu diselesaikan untuk mendapatkan satu jam kredit.

“Sebaliknya, pengalaman tersebut merupakan sebuah ‘universiti kehidupan’ dalam skala kecil yang menyediakan ruang kepada pelajar untuk mengenali potensi diri dan belajar berhadapan dengan situasi sebenar yang tidak semestinya dapat diwujudkan di dalam bilik kuliah.

“Sepanjang program, pelajar perlu merancang tugas, membahagikan tanggungjawab, mengendalikan peralatan ukur, menguruskan masa, dan menyelesaikan pelbagai masalah yang timbul ketika menjalankan kerja lapangan.

“Mereka juga perlu belajar bahawa kejayaan sesebuah kumpulan bukan hanya bergantung kepada individu yang paling berkebolehan, tetapi kepada kemampuan setiap ahli untuk saling dipercayai, membantu, dan bergerak bersama-sama menuju matlamat yang sama,” katanya.

Pendekatan Pendidikan Berasaskan Nilai atau ‘*Value-Based Education*’ turut diterapkan sepanjang program menerusi pembudayaan nilai kerjasama berpasukan, komunikasi berkesan, disiplin dan pengurusan masa, budaya saling menghormati dan membantu, selain etika serta integriti.

Penerapan nilai tersebut penting bagi memastikan graduan FTKA bukan sahaja kompeten dalam aspek teknikal, malah mempunyai karakter dan kemahiran interpersonal yang diperlukan apabila memasuki alam pekerjaan.

Membina Keseimbangan, Persahabatan, dan Semangat Berpasukan

Program kali ini turut tampil berbeza dengan penganjuran acara sukan antara kumpulan sebagai sebahagian daripada aktiviti pembangunan pelajar.

Aktiviti tersebut bukan sekadar ruang untuk bersukan dan beriadah selepas menjalani tugas lapangan, malah membawa mesej mengenai kepentingan menjaga kesihatan fizikal dan mental serta mewujudkan keseimbangan antara tuntutan kerja dengan kehidupan (*work-life balance*).

Acara sukan itu telah dibuka secara rasmi oleh Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam, Ts. Dr. Nadiatul Adilah Ahmad Abdul Ghani dengan diiringi Pensyarah Kanan, Dr. Norhaliza Wahab.

Setiap Pengalaman Ada Pengajarannya

Salah satu elemen penting yang turut diberikan penekanan dalam Program Khemah Ukur kali ini ialah sesi refleksi yang dilaksanakan semasa majlis penutup.

Menerusi sesi tersebut, pelajar diajak untuk melihat kembali pengalaman sepanjang sembilan hari program dan memahami bahawa setiap kejadian, sama ada kejayaan, kesilapan, mahupun cabaran, mempunyai hikmah serta pengajaran yang boleh dibawa ke dalam kehidupan.

Majlis penutup itu turut mencipta detik penuh makna apabila warga program mengambil kesempatan

untuk meraikan dan menghargai jasa Dr. Cheng Hock Tian yang bakal menamatkan perkhidmatannya di UMPSA tidak lama lagi.

Penghargaan tersebut menjadi simbol bahawa di sebalik ilmu yang diwariskan oleh seorang pendidik, terdapat nilai, pengalaman, dan kenangan yang akan terus hidup dalam diri para pelajar yang pernah dibimbingnya.

9 Hari Penuh Kenangan Bermakna

Walaupun hanya berlangsung selama sembilan hari, Program Khemah Ukur kali ini nyata meninggalkan kesan mendalam kepada para peserta apabila ramai yang masih berkongsi keterujaan, pengalaman, kenangan, dan ucapan penghargaan menerusi status aplikasi WhatsApp dan laman sosial masing-masing biarpun program telah melabuhkan tirainya.

Reaksi tersebut memperlihatkan bahawa sesuatu pengalaman pembelajaran yang bermakna tidak semestinya hanya diukur melalui keputusan peperiksaan atau gred yang diperoleh, tetapi juga melalui perubahan sikap, keyakinan dan hubungan yang terbina selepas program berakhir.

Salah seorang peserta, Robin Steven berkata, Program Khemah Ukur memberi pengalaman yang amat bermakna kepadanya kerana membantu meningkatkan keyakinan diri untuk berani mencuba sehingga berjaya, di samping mengasah bakat kepimpinan.

“Bagi saya, program ini sangat bermakna kepada para pelajar dan akan menjadi lebih berkesan sekiranya dapat dilaksanakan di luar kampus seperti sebelum era pandemik COVID-19.

“Ketika itu, para pelajar dikumpulkan di suatu tempat asing yang jauh dari bandar dan tidak dibenarkan membawa kenderaan sendiri.

“Dengan itu, mereka menghabiskan keseluruhan tempoh program bersama-sama dan berpeluang mengenali antara satu sama lain dengan lebih dekat,” ujarnya.

Tambah Robin lagi, kesannya, jaringan persahabatan yang lebih erat dapat dibina sesama pelajar dan hubungan ini pastinya akan menjadi sesuatu yang sangat berguna pada masa hadapan.

‘Dai-dai’ — Terus Mara, Jangan Menyerah

Pada akhirnya, Program Khemah Ukur FTKA bukan sekadar tentang alat ukur, bacaan di lapangan atau pelan yang perlu disiapkan.

Ia adalah tentang manusia.

Tentang seorang pelajar yang belajar mempercayai rakannya.

Tentang seorang ketua yang belajar memikul tanggungjawab.

Tentang sebuah kumpulan yang memahami bahawa kejayaan tidak mungkin dicapai sendirian.

Dan tentang anak muda yang belajar bahawa apabila sesuatu tidak berjalan seperti yang dirancang, mereka masih mempunyai pilihan untuk bangkit dan mencuba sekali lagi.

Semangat itulah yang terangkum dalam ungkapan '*Dai-Dai*'.

Ayuh Terus Mara. Ayuh Terus Mencuba. Ayuh Berikan Yang Terbaik.

Kerana pengalaman di universiti bukan hanya untuk melahirkan graduan yang memiliki ilmu, tetapi untuk membentuk insan yang mempunyai keberanian menghadapi cabaran, kekuatan untuk bangkit daripada kegagalan dan kesediaan untuk melangkah ke hadapan bersama-sama.

Dai-dai!

Disediakan Oleh: Dr. Mohd Irwan Adiyanto, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam (FTKA)

- 211 views

[View PDF](#)